



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 2 2025: 11-42

Submission date: 08/10/2024 Accepted date: 14/10/2024 Published date: 01/03/2025

**Lambakan Permohonan Menggunakan Wali Hakim dalam
Urusan Perkahwinan dan Cabarannya kepada Mahkamah
Rendah Syariah Kuala Kangsar (MRSKK)
*(An Influx of Applications for Wali Hakim
in Marriage Matters and its Challenges
to the Kuala Kangsar Shariah Lower Court (MRSKK))***

**Mustaqim Roslan, M.* & Farzana, B.
Universiti Sultan Azlan Shah**

***Corresponding author: muhd.mustaqim@usas.edu.my**

Abstrak

Wali hakim bertanggungjawab menjadi wakil kepada wali nasab yang *aqrab* mahupun *ab'ad*, sekiranya berlaku masalah pada wali nasab serta ketidakpatuhan dalam memenuhi syarat-syarat kelayakan menjadi wali. Permohonan perlulah dilakukan di Mahkamah Syariah sebelum tugas perwalian dalam sesuatu perkahwinan berpindah kepada wali hakim secara mutlak. Namun begitu, permohonan wali hakim di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Kangsar (MRSKK) nampaknya semakin bertambah sejak akhir-akhir ini dan ia sekali gus merumitkan urusan tadbir di peringkat dasar. Ketiadaan dan ketidakpatuhan syarat sebagai seorang wali merupakan sebab utama berlakunya lambakan permohonan wali hakim di MRSKK ini. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali dan cabaran lambakan permohonan menggunakan wali hakim di MRSKK. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan para hakim *syarie* dan pendaftar. Setelah data dokumen dan

data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan menunjukkan terdapat tiga sebab yang menjadi punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali dan tiga cabaran lambakan permohonan menggunakan wali hakim di MRSKK. Kajian ini mencadangkan pelan tindakan terhadap aktiviti-aktiviti sosial melibatkan kerohanian umat Islam dapat dipertingkatkan agar faktor-faktor negatif yang menjadi punca gugurnya syarat wali pemohon dikurangkan pada masa akan datang. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat kepada cara dan kaedah penyelesaian terhadap punca dan cabaran yang telah dikenal pasti ini.

Kata kunci: cabaran, perkahwinan, permohonan, punca, wali hakim.

Abstract

The wali hakim is tasked with representing the closest (*aqrab*) or more distant (*ab'ad*) *wali nasab* when issues occur with the *wali nasab* and there is non-compliance with the eligibility criteria to act as a wali. An application must be filed with the Shariah Court before the complete transfer of guardianship responsibilities in marriage to the wali hakim. However, there has been a noticeable increase in applications for wali hakim at the Kuala Kangsar Shariah Lower Court (MRSKK) lately, complicating governance at the fundamental level. The lack of adherence to the requirements for a wali is the primary reason for the influx of applications for wali hakim at MRSKK. Therefore, this article aims to analyze the causes for non-compliance with the eligibility criteria for a wali and the challenges associated with the increase in applications for wali hakim at MRSKK. The underlying philosophy of this study is interpretive, utilizing a case study approach as its research strategy. This study employs a qualitative design, integrating document analysis and semi-structured interviews involving Shariah judges and registrars. Once the document and interview data are collected, content analysis is used again to analyze this data, with the results categorized thematically. The findings reveal three reasons for non-compliance with the eligibility criteria for a wali and three challenges associated with the increase in applications for wali hakim at MRSKK. This study suggests an action plan for social activities involving the spirituality of Muslims can be improved

so that the negative factors that cause the applicant's guardian condition will be reduced. Therefore, further research is needed to look at ways and methods of solving the causes and challenges that have been identified.

Keywords: applications, causes, challenges, marriage, wali hakim.

Pendahuluan

Perkahwinan merupakan satu ibadah yang telah disyariatkan dalam Islam berserta dengan peraturan-peraturannya yang jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Perkahwinan mestilah dijalankan secara teratur mengikut rukun yang telah ditetapkan iaitu suami, isteri, wali, dua orang saksi dan *sighah* iaitu ijab dan kabul (Mohammad Azam & Alias, 2015). Rukun-rukun ini wajib dipenuhi kerana ketiadaan salah satu rukun akan menyebabkan perkahwinan tidak sah. Wali memikul tanggungjawab yang sangat penting, terutama dalam menjaga hak dan martabat seorang perempuan. Wali mesti wujud dalam perkahwinan pengantin perempuan, tidak kiralah sama ada mereka janda atau dara, masih kecil atau sudah baligh untuk mengendalikan akad ketika perkahwinan berlangsung (Al-Khin et al., 2016). Wali terbahagi kepada dua keadaan iaitu wali nasab yang terdiri daripada bapa kandung, datuk dari sebelah bapa, saudara lelaki seibu sebapa dan seterusnya mengikut susunan kelayakan wali, manakala wali hakim pula adalah peranan yang dipenuhi oleh sultan atau kadi sebuah negara untuk membenarkan suatu pernikahan (Enakmen Keluarga Islam Perak, 2004). Apabila timbul masalah pada wali nasab atau ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelayakan menjadi wali, permohonan perlulah dibuat di Mahkamah Syariah sebelum hak perwalian dalam perkahwinan dipindahkan sepenuhnya kepada wali hakim.

Namun begitu, walaupun pada dasarnya sebuah perkahwinan sewajarnya diwalikan oleh wali nasab, permohonan wali hakim di MRSKK tetap meningkat saban tahun dan tiada kesudahannya. Statistik kes-kes mal di MRSKK menunjukkan bahawa, sepanjang tiga tahun iaitu dari Januari 2022 hingga Julai 2024, permohonan wali hakim terkumpul sebanyak 168 kes yang berdaftar. Permohonan ini bertambah tahun demi tahun atas banyak faktor yang telah direkodkan (Sistem e-Kehakiman Syariah Perak, 2024). Menurut Hanan Syafawi (2024), kes permohonan wali hakim di MRSKK ini sentiasa bertambah dan didaftarkan pada setiap bulan dan menunjukkan peningkatan mendadak pada tahun ini. Hal ini secara tidak langsung

mendatangkan cabaran-cabaran yang berterusan kepada pihak MRSKK dalam menyelesaikan setiap kes terbabit dengan teliti dan adil (Muhammad Muslim, 2024). Perkara sebegini seolah-olah telah dinormalisasikan dalam kalangan masyarakat dan sudah pastinya memberikan sedikit sebanyak kesan kepada institusi kekeluargaan.

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali dan cabaran lambakan permohonan menggunakan wali hakim di MRSKK. Kajian ini penting dalam mencari sebab dan faktor lambakan permohonan wali hakim dalam urusan perkahwinan di MRSKK. Tambahan lagi, hanya Mahkamah Syariah sahaja yang mempunyai kuasa dalam membenarkan pernikahan menggunakan wali hakim. Perintah wali hakim ini akan dikeluarkan sejurus sahaja hakim *syarie* berpuas hati tentang kebenaran permohonan (Enakmen Keluarga Islam Perak, 2004). Namun, jika permohonan ini semakin bertambah pada setiap tahun, lantas semakin banyak cabaran yang bakal dihadapi oleh MRSKK. Oleh yang demikian, artikel ini akan menjawab dua persoalan sahaja, iaitu apakah punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali dan apakah cabaran lambakan permohonan menggunakan wali hakim di MRSKK?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian atau *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, dan sebagainya (Ghazali & Sufean, 2016). Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop wali hakim bagi mengukuhkan lagi perbincangan kajian. Pertamanya, penulis mulakan dengan kajian oleh Zulfaqar Mamat, Wan Abdul Fattah, Lukman, Syahirah dan Hasnizam (2019), yang bertajuk “*Kedudukan Wali Hakim Dalam Perkahwinan di Malaysia Dari Sudut Syariah Dan Perundangan*”. Dapatan menunjukkan bahawa tertib wali dalam perkahwinan wajib dipatuhi, namun terdapat beberapa pengecualian yang dibenarkan oleh syarak termasuklah dalam kes wali hakim. Kajian ini mempunyai jurang yang besar dengan kajian pengkaji kerana perbincangannya adalah bersifat perbandingan terhadap kedudukan wali hakim dari sudut Syariah dan Perundangan. Adapun punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali

hakim dan cabarannya kepada mahkamah tidaklah dibincangkan khusus dalam kajian ini.

Seterusnya, adalah kajian yang bertajuk “*Penetapan Wali Hakim dalam Perkahwinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Karanganyar Kabupaten Karanganyar Tahun 2020*” oleh Adinda Dewi Mutiara Sari dan Seno Aris Sasmito (2022). Kajian ini menerangkan bahawa penentuan wali hakim mestilah ditentukan melalui pertimbangan hukum Islam dan ditetapkan oleh Kantor Urusan Agama. Kajian kes di Mahkamah Syariah, Indonesia ini nampaknya turut bersatu dengan amalan penghakiman yang dilakukan di Malaysia namun perbincangannya adalah umum dan tidak berfokus kepada golongan-golongan utama yang memohon menggunakan wali hakim di mahkamah. Kajian ini lebih bersifat teoretikal seperti juga dalam kajian bertajuk “*Konsep Wali Hakim dalam Pembaharuan Hukum Keluarga Islam di Malaysia dan Indonesia*”, oleh Akhmad Fadly dan Ferdiyan (2022). Dapatan menunjukkan bahawa kedudukan wali raja atau wali hakim telah diakui keberadaannya secara rasmi dalam undang-undang negara, namun di Malaysia aturan mengenai prosedur pengamalan wali hakim tidak dijelaskan secara terperinci. Sebaliknya di Indonesia aturan mengenai wali hakim sudah dicantumkan secara terperinci melalui Peraturan Menteri Agama (PMA).

Adapun kajian terakhir oleh Ramadhan Aldi (2024) nampaknya mempunyai jurang kajian yang paling hampir dengan kajian pengkaji. Kajian ini bertajuk “*Fenomena Wali Hakim Dalam Perkahwinan Masyarakat Tanggeung Kabupaten Cianjur; Studi Kasus di Kantor Urusan Agama Kecamatan Tanggeung Kabupaten Cianjur*”. Dapatan menunjukkan bahawa beberapa faktor utama yang menyebabkan masyarakat Tanggeung menggunakan wali hakim iaitu ketidakhadiran wali nasab, penolakan wali nasab dan putusannya hubungan wali nasab. Jurang tempat dan kawasan kajian telah dikenal pasti dalam membezakan di antara kajian ini dengan kajian pengkaji. Namun, dapatannya agak berbeza ditambah perbincangan dari sudut cabaran yang dihadapi tidaklah menjadi isi perbincangan utama kajian tersebut. Melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu wali hakim banyak dibahaskan dalam perbincangan kajian di Malaysia mahupun antarabangsa, namun punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali serta cabaran terhadap lambakan permohonan menggunakan wali hakim

tidaklah dibincangkan secara terperinci khususnya yang melibatkan kajian kes di mana-mana Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk mengkhususkan kajian kes bagi lambakan permohonan wali hakim dan cabarannya di MRSKK.

Metodologi Kajian

Metodologi merujuk kepada sistem atau cara yang digunakan untuk memperoleh pengetahuan atau kebenaran melalui proses yang berstruktur. Objektif dan matlamat kajian boleh tercapai melalui penggunaan cara, kaedah dan pendekatan (Nur Aishah & Mustaqim Roslan, 2024). Selain itu, metodologi kajian juga dibentuk kepada tiga asas iaitu reka bentuk, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Justeru, kajian ini mengadaptasikan falsafah *interpretif* iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2016). Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan hakim *syarie* dan para pendaftar di MRSKK. Menurut Ritchie et al. (2013), temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian.

Lima orang sampel dipilih secara bertujuan iaitu *purposive sampling* digunakan dalam kajian ini berdasarkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan kajian (Babbie 2002). Kesemua sampel adalah daripada pegawai-pegawai MRSKK yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal permohonan wali hakim dan menentukan kelulusan permohonan tersebut di Mahkamah Syariah. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell 2002). Berikut adalah senarai informan yang menjadi peserta kajian ini:

Jadual 1: Peserta Kajian

Bil	Peserta Kajian	Butiran Informan
1.	Informan 1	Hakim Syarie
2.	Informan 2	Pembantu Pendaftar 1
3.	Informan 3	Pembantu Pendaftar 2
4.	Informan 4	Pembantu Pendaftar 3
5.	Informan 5	Pembantu Pendaftar 4

Sumber: Olahan dari Perbincangan Kajian

Memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih dan mampu memberikan maklumat yang kaya sebagai sampel kajian, maka kaedah *snowball* juga turut digunakan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2009). Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Kaedah penyaringan digunakan iaitu membuat transkripsi rakaman audio diubah kepada bentuk verbatim. Transkrip kemudiannya diindekskan kepada kod-kod yang tertentu bagi memudahkan pengkaji menganalisis data. Terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu membuat transkripsi temu bual secara verbatim, membuat pengagihan soalan, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan akhir sekali membuat koding (Mustaqim Roslan, 2024).

Konsep Permohonan Wali Hakim di MRSKK

Menurut Al-Khin (2016), wali dari segi bahasa bermaksud kasih sayang dan pertolongan, dan dari segi istilah pula adalah pihak yang mempunyai hak ke atas orang lain dalam membuat keputusan dan mengawasi urusan mereka. Kewujudan wali adalah wajib sewaktu seorang perempuan bernikah. Hal ini dapat dibuktikan dalam surah al-Baqarah, Allah SWT berfirman yang bermaksud;

“Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, lalu habis masa eddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syarak).” (QS al-Baqarah: 2: 232)

Ulama *Syafi'iyah* berpendapat bahawa ayat ini adalah bukti paling kukuh dalam mengambil kira kedudukan wali. Jika kedudukan wali tidak diambil kira, tentulah dia tiada kuasa menghalang perkahwinan. Dengan ini jelaslah bahawa kewujudan wali adalah wajib dalam setiap pernikahan bagi pihak perempuan. Namun, jika pihak perempuan itu tidak mempunyai wali yang layak, maka wajib ke atasnya menggunakan wali hakim sebagai ganti kepada walinya itu (Al-Khin et al., 2016). Pendapat ini sehaluan dengan pendapat Ulama *Malikiyyah* yang mana berpandangan bahawa sebuah perkahwinan itu tidak sah tanpa kehadiran wali (Ibn Said Sahnun, 1999).

Kedudukan wali perkahwinan bagi pihak perempuan dapatlah dibahagikan kepada dua iaitu, wali *aqrab* dan wali nasab. Wali *aqrab* adalah wali yang terdekat iaitu bapa dan datuk kepada pihak perempuan, manakala wali nasab adalah wali yang layak untuk menjadi wali selepas bapa dan datuk iaitu adik-beradik lelaki seibu sebapa, adik-beradik sebapa, anak saudara (anak kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa), anak saudara (anak kepada adik-beradik sebapa), bapa saudara seibu sebapa (adik-beradik lelaki kepada bapa yang seibu sebapa), bapa saudara sebapa (adik-beradik kepada bapa yang sebapa), sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang seibu sebapa), sepupu (anak lelaki kepada bapa saudara yang sebapa) (Al-Khin, et al., 2016). Jika kesemua wali yang disenaraikan tidak ada atau tiada kelayakan, maka walinya adalah sultan atau kadi. Pandangan *Syafi'iyah* dan *Malikiyyah* ini berasaskan kepada sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh *Saidatina Aisyah RA*, yang bermaksud, “... maka sultan (pemerintah) menjadi wali kepada sesiapa yang tidak ada wali” (HR Abu Daud no. 2083). Hal ini kerana, perempuan tidak boleh mengahwinkan dirinya sendiri dan sekiranya ia tetap berlaku, maka perkahwinannya itu berstatus syubhah kerana bernikah tanpa wali dan perkahwinan itu terbatal setelah berlakunya persetubuhan (Al-Khin, et al., 2016). Berdasarkan hadis ini, jelaslah bahawa wali merupakan rukun yang wajib dipenuhi dan sebuah pernikahan akan terbatal tanpanya.

Pendapat ini juga turut disokong oleh ulama dalam kalangan *Hanabilah* (Ibnu Qudamah, 1392).

Wali hakim pula adalah orang yang bukan waris yang boleh menikahkan pengantin perempuan jikalau ketiadaan wali (Muhammad Al-Zuhaili, 2007). Dalam pada itu, secara umumnya wali hakim adalah orang yang dilantik oleh pihak berkuasa, seperti ketua negara Islam atau wakilnya iaitu kadi besar atau kadi daerah untuk bertindak sebagai wali dalam urusan perkahwinan jika tiada wali nasab yang sah, atau jika wali nasab enggan, atau tidak layak untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, wali hakim biasanya terdiri daripada individu yang mempunyai tauliah daripada pihak berkuasa dan mesti memenuhi syarat-syarat tertentu seperti Islam, berakal dan lelaki (Mohd Saad bin Abdul Rahman, 2006). Jumah ulama mensyaratkan wali dalam sebuah perkahwinan sama ada anak dara ataupun janda. Namun pandangan ini berbeza dengan pendapat Ulama *Hanafiyyah* yang mana sebuah perkahwinan tidak memerlukan wali secara mutlak. Alasannya adalah, wali diperlukan hanya untuk perempuan yang masih kecil atau sudah dewasa tetapi akalunya tidak sempurna. Dengan kata lain, wanita yang sudah dewasa dan berakal boleh menikahkan dirinya secara mutlak dan sah. Namun, jika berlaku perkahwinan yang tidak sekufu, wali pihak perempuan boleh menolak perkahwinan itu atau membuat permohonan fasakh kepada hakim (Wahbah al-Zuhaili, 1989). Pandangan ini disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, "*Janda berhak atas dirinya sendiri daripada walinya dan gadis diminta pendapatnya mengenai dirinya dan keizinannya ialah diamnya.*" (HR Muslim, no 2546).

Syarat-syarat untuk menjadi wali adalah seseorang itu sewajarnya beragama Islam. Orang kafir tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beragama Islam kerana orang kafir tiada autoriti terhadap orang Islam (Al-Khin, et al., 2016). Selain itu, wali mestilah bukan dari golongan orang yang *fasik* kerana orang yang *fasik* tidak layak menjadi wali. Wali mestilah orang yang adil atau mursyid (Mohd Faizal, 2018). Adil bermaksud teguh kepada pendirian, agama, akhlak dan harga diri (Wahbah al-Zuhaili, 1989). Baligh, berakal dan merdeka juga menjadi syarat utama menjadi seorang wali. Dalam hal ini, jelaslah bahawa syarat-syarat untuk menjadi seorang wali bukanlah perkara yang boleh dibuat sambil lewa. Oleh itu, satu pernikahan sewajarnya diwalikan oleh wali mujbir iaitu bapa atau datuk kepada pihak perempuan. Wali mujbir adalah individu yang boleh

mengahwinkan anak perempuan atau cucu perempuan mereka tanpa mendapatkan persetujuan terlebih dahulu (Musda, 2021). Ini bukan sahaja dapat melindungi hak-hak atau *masalah* wanita, tetapi juga memastikan bahawa perkahwinan berlangsung dalam kerangka yang sesuai dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam.


Permohonan wali hakim di Malaysia boleh dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) setelah selesai berurusan di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di negeri masing-masing termasuklah negeri Perak. Pihak perempuan perlu menyatakan bahawa mereka memerlukan wali hakim dan menerangkan tentang sebab-sebabnya bagi menguatkan lagi kenyataan tentang ketiadaan wali nasab, wali ghaib atau *muallaf*. Jika di MRSKK, surat iringan akan dikeluarkan oleh pihak PAID bagi semua permohonan wali hakim. Seterusnya, pemohon perlu mengisi borang maklumat diri terlebih dahulu sebelum meneruskan proses permohonan di mahkamah (Muhammad Muslim, 2024). Proses permohonan wali hakim adalah langkah penting dalam memastikan bahawa semua individu yang ingin melangsungkan perkahwinan agar perkahwinan mereka sah dan diiktiraf. Kemudian, ketika perbicaraan berlangsung pada tarikh yang ditetapkan, hakim akan meneliti dokumen terlebih dahulu dan mendengar segala keterangan pemohon dan saksi sebelum meluluskan perkahwinan wali hakim tersebut (Helmi, 2024). Secara keseluruhannya, proses ini memastikan bahawa hak dan kepentingan individu yang terlibat dalam perkahwinan dilindungi serta mematuhi syarak yang ditetapkan, dengan setiap langkah yang diambil bertujuan untuk menjamin kesahihan dan keabsahan perkahwinan tersebut. Namun begitu, permohonan menggunakan wali hakim saban hari semakin meningkat di MRSKK atas banyak faktor-faktor yang akan diperincikan oleh pengkaji dalam sub topik seterusnya.

Analisis Punca Ketidapatuhan Syarat Kelayakan Wali Dan Cabaran Lambakan Permohonan Menggunakan Wali Hakim

Menurut Zulfaqar et al. (2019), wali hakim hanya berlaku apabila wali *aqrab* tidak dapat melaksanakan tugasnya kerana halangan yang dibenarkan syarak. Permohonan wali hakim datang dari pelbagai punca, namun sering kali ia berpunca daripada situasi yang kompleks seperti ketiadaan wali nasab, keengganan wali, atau masalah ketidapatuhan

syarat kelayakan wali. Menurut Hanan Syafawi (2024), permohonan wali hakim di MRSKK semakin bertambah disebabkan tiga punca utama iaitu disebabkan oleh pemohon dalam kalangan Anak Tidak Sah Taraf (ATST), pemohon tiada wali nasab dan pemohon dalam kalangan *muallaf*. Manakala terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh MRSKK dalam menguruskan permohonan wali hakim iaitu ketidakcukupan bukti dalam membuktikan pendakwaan, enggan memberikan kerjasama yang baik dalam urusan permohonan wali hakim dan peningkatan beban tugas dalam kalangan pegawai MRSKK. Berikut adalah dapatan umum terhadap punca ketidakpatuhan syarat kelayakan wali dan cabaran permohonan menggunakan wali hakim terhadap MRSKK seperti gambar rajah di bawah:

Rajah 1: Dapatan Kajian Umum



Sumber: Olahan dari Perbincangan Kajian

Punca Ketidapatuhan Syarat Kelayakan Wali

Pemohon Dalam Kalangan ATST

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), ATST didefinisikan sebagai anak yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yang sah antara ibu bapanya. Manakala menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali pertama (1981) telah menetapkan bahawa ATST boleh didefinisikan sebagai anak zina. ATST juga ditakrifkan kepada anak yang tiada dokumen kerana dilahirkan daripada perkahwinan ibu bapanya yang melanggar Undang-undang Keluarga Islam yang telah diwartakan dalam enakmen negeri (Faisarizan, 2024). Selain itu, ada juga dalam kalangan mereka ini dilahirkan dalam keadaan tidak sah taraf adalah disebabkan daripada kelahiran anak *li'an*, anak *laqit*, anak hasil dari mangsa rogol dan anak hasil hubungan sumbang mahram. Di Malaysia ATST semakin meningkat dengan statistik menunjukkan bahawa kelahiran ATST adalah seramai 25,567 didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak 2019 sehingga 2020 (Nor Fazlina, 2020). Kelahiran ATST juga memberi kesan kepada mereka apabila mereka ingin mendirikan rumah tangga pada masa akan datang. Anak yang lahir hasil daripada hubungan di luar ikatan perkahwinan yang sah tidak mempunyai hubungan nasab dengan bapa biologinya. Ini bermaksud, bapa biologinya tidak mempunyai hak atau tanggungjawab sebagai wali pernikahan. Oleh itu, peranan sebagai wali untuk pernikahan anak perempuan tersebut akan jatuh kepada wali hakim (Ibnu Qudamah, 1392). Fatwa dari Jabatan Mufti pelbagai negeri di Malaysia juga menyokong pandangan ini. Fatwa-fatwa tersebut secara konsisten menegaskan bahawa ATST tidak mempunyai hubungan nasab dengan bapa kandungnya (Umar Mukhtar, 2020). Justeru, permohonan kepada wali hakim adalah diperlukan. Ini selaras dengan prinsip syariah yang menetapkan bahawa pernikahan harus dijalankan dengan sah dan tertib menurut undang-undang Islam.

Masalah yang dihadapi oleh ATST apabila mereka ingin mendirikan rumah tangga adalah yang mana mereka tidak ada wali nasab dan wali *aqrab* yang boleh menjadi wali kepada mereka. Hal ini merumitkan pihak pejabat agama untuk menguruskan urusan perkahwinan mereka. Statistik menunjukkan permohonan wali hakim MRSKK yang datang dalam kalangan ATST adalah paling tinggi dengan 65% daripada keseluruhan

kes. Sebagai contoh dalam kes bernombor 2407-L0508-121-0321 menunjukkan bahawa, pemohon tidak boleh berkahwin tanpa wali hakim kerana ibu kandung pemohon merupakan mangsa rogol. Status anak yang dilahirkan akan diklasifikasikan bergantung kepada ikatan perkahwinan ibu bapa mereka. Hal ini kerana ikatan perkahwinan amat memberikan kesan akan datang terutamanya dalam hal perwalian perkahwinan (Zanariah, 2018). Kes berkaitan ATST yang berlaku di luar pernikahan ini turut berlaku di Mahkamah Rendah Syariah Taiping (MRST). Kes bernombor 2301-L0408-121-0097 yang mana pemohon mendakwa bahawa beliau adalah ATST kerana ibu kandung pemohon tidak pernah berkahwin. Pemohon mengetahui hal ini daripada ibu angkatnya dan datuk saudaranya. Perkara ini menunjukkan bahawa pemohon tidak mempunyai wali nasab yang membolehkan beliau memohon wali hakim.

Selain daripada itu juga terdapat kes permohonan wali hakim di MRSKK yang datang daripada pemohon yang tidak ada dokumen pendaftaran kelahiran yang mana anak ini juga digelar sebagai ATST. Hal ini merumitkan keadaan yang mana mereka juga adalah ATST yang memungkinan mereka boleh menggunakan wali nasab dan memaksa mereka menggunakan wali hakim. Contohnya seperti kes bernombor 2307-L0508-121-0347 yang mana pemohon memerlukan wali hakim disebabkan tidak mempunyai wali nasab walaupun pernikahan ibu bapanya adalah sah di luar negara. Pasangan yang berkahwin di luar perlulah memastikan bahawa perkahwinan mereka didaftarkan di Malaysia untuk mengelakkan masalah pada masa hadapan terutamanya dalam hal yang melibatkan perkahwinan anak (Faisarizan, 2024). Perkahwinan yang tidak didaftarkan akan mencabut hak perwalian bapa sebagai wali nasab (Mohammad Syakirin & Soraya, 2019). Kes seperti ini juga berlaku di MRST dalam kes bernombor 2402-L0408-121-0208 yang mana pemohon merupakan ATST kerana ibu bapa pemohon berkahwin di luar negara dan tidak mempunyai sijil nikah di luar negara. Perkahwinan ibu bapa kandung pemohon juga tidak pernah mendaftarkan perkahwinan mereka di Malaysia. Hal ini jelaslah bahawa pemohon memerlukan wali hakim untuk melangsungkan perkahwinannya.

Selain itu, anak zina juga tergolong dalam kalangan ATST dan memerlukan wali hakim apabila mereka ingin berkahwin pada masa akan datang. Sebagai contohnya kes yang berdaftar di MRSKK bernombor 2409-L0508-121-0408 yang mana pemohon memfailkan permohonan

wali hakim disebabkan beliau merupakan ATST dan hak perwalian jatuh kepada wali hakim. Pemohon mendakwa beliau merupakan ATST kerana ibu bapanya berkahwin selepas beliau dilahirkan. Hal ini berbeza dengan kes *Wan Khairi Wan Azmi lwn Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344* yang berlaku di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang mana mahkamah memutuskan bahawa anak yang dilahirkan enam bulan empat hari dari tarikh perkahwinan adalah anak sah taraf dan dinasabkan kepada pemohon. Keputusan yang dibuat oleh hakim apabila terdapat pertikaian pensabitan berkaitan nasab anak oleh salah satu pihak adalah berasaskan kepada prinsip *firash* (Zanariah, 2018). Dalam hukum Islam, prinsip *firash* berpandukan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Anak itu bagi (hak) pemilik firash (iaitu suami) dan bagi penzina ialah hukuman rejam.*" (HR Muslim, no 2053). Berdasarkan hadis ini, *firash* merujuk kepada hak suami yang sah ke atas anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan, kerana dianggap sebagai anaknya walaupun mungkin ada dakwaan mengenai status anak tersebut. Rumusnya, pemohon dalam kalangan ATST merupakan punca utama permohonan wali hakim di MRSKK. Terdapat tiga sebab yang sering berlaku sehingga menjadikan pemohon-pemohon ini diklasifikasikan sebagai ATST iaitu, pemohon dilahirkan dari pasangan kes rogol, pemohon tiada pendaftaran kelahiran dan pemohon adalah anak zina.

Pemohon Tiada Wali Nasab

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), nasab ditakrifkan sebagai keturunan atau pertalian keluarga terutamanya dari sebelah bapa. Manakala ghaib pula ditakrifkan sebagai tidak dapat dilihat atau tersembunyi. Wali ghaib juga merujuk kepada situasi di mana wali nasab tidak dapat dihubungi atau dikesan oleh ahli keluarganya (Hanan Syafawi, 2024). Menurut mazhab Syafie, jika wali *aqrab* ghaib atau tidak dapat dihubungi maka wali yang layak mewalikan perkahwinan adalah hakim (Sabiq Sayyid, 1996). Permohonan wali hakim di MRSKK dengan alasan tiada wali nasab merupakan faktor kedua tertinggi selepas ATST. (Sistem e-Kehakiman Syariah Perak, 2024). Statistik menunjukkan bahawa sebanyak 16% daripada keseluruhan kes permohonan wali hakim disebabkan tiada wali nasab. Ketiadaan wali boleh disebabkan oleh beberapa perkara seperti wali nasab sudah meninggal, wali hilang atau ghaib dan tidak mempunyai adik-beradik lelaki atau tiada jalur wali sebelah bapa (lelaki). Dalam keadaan tiada wali nasab, peranan wali akan

beralih kepada wali hakim, yang merupakan pihak berkuasa yang dilantik untuk mengahwinkan pihak perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab. Ketiadaan wali ini juga akan mendatangkan kesukaran kepada mereka apabila mereka ingin mendirikan rumah tangga pada masa akan datang.

Wali hilang dari sudut syarak merujuk kepada keadaan di mana wali nasab iaitu wali dari kalangan keluarga terdekat tidak dapat dihubungi atau tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagai wali dalam pernikahan. Mengikut pandangan mazhab Syafie, jika wali berada di tempat yang jauh lebih dari dua marhalah atau dalam sekitar 91 kilometer dan tidak dapat dihubungi, maka hak perwalian akan berpindah kepada wali hakim (Al-Jaziri, 2003). Berbeza pula dengan pandangan mazhab Maliki yang mana berpendapat bahawa kehilangan wali tersebut mestilah mencapai tempoh minimum iaitu tiga bulan (Al-Nawawi, 2011). Wali nasab yang hilang ini juga pernah terjadi di MRSKK seperti dalam kes yang dilaporkan bernombor 2405-L0508-122-0215 yang mana pemohon telah mencari maklumat di JPN dan telah menyebarkan iklan melalui pelbagai medium media massa untuk mencari walinya yang hilang, namun tiada jawapan yang diterima. Situasi yang seakan sama juga berlaku pada tahun 2023 di MRSKK dalam kes bernombor 2301-L0508-121-0026 yang mana pemohon memfailkan permohonan wali hakim kerana walinya tidak dijumpai setelah mencari dan mengiklankan tentang kehilangan walinya selama sebulan. Berdasarkan keterangan saksi yang merupakan ibu kandung pemohon, bapa kandung telah menghilangkan diri sejak peristiwa Mamali pada tahun 1985. Pihak mahkamah berpuas hati dan meluluskan permohonan tersebut. Keputusan mahkamah ini menunjukkan bahawa perkahwinan masih dapat dijalankan dengan menggunakan wali hakim berdasarkan syarat-syarat tertentu.

Permohonan wali hakim juga boleh dibuat dalam keadaan yang mana pihak perempuan tidak mempunyai wali nasab yang sah menurut syarak atas sebab sudah meninggal dunia. Situasi ini sering berlaku apabila semua wali nasab terdekat, seperti ayah atau datuk sudah tiada, dan tiada wali lain yang memenuhi syarat menurut syarak. Dalam keadaan begini, pihak perempuan perlu membuat permohonan di MS untuk melantik wali hakim bagi melangsungkan pernikahan agar perkahwinan tersebut sah mengikut hukum Islam (Enakmen Keluarga Islam Perak, 2004). Sebagai contoh dalam kes bernombor 2406-L0508-122-0287 yang mana pemohon telah

membuka fail permohonan wali hakim kerana semua wali nasabnya telah meninggal dunia. Dalam kes begini, pihak perempuan perlulah memohon wali hakim untuk bertindak sebagai wali dalam akad nikahnya dan MS sahaja yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak perempuan tersebut (Mohd Asri, 2024). Hal ini sama seperti keadaan ketiadaan wali atas sebab berada di tempat yang jauh atau melebihi dua marhalah perjalanan. Oleh itu, hak dalam mengahwinkan pihak perempuan berpindah kepada wali hakim (Al-Khin, et al., 2016). Selain daripada itu, permohonan wali hakim disebabkan oleh tiada wali nasab juga berlaku di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh (MRSI) dalam kes yang bernombor 2302-L0208-122-0300 yang mana pemohon mendakwa bahawa bapanya telah meninggal dunia. Pemohon tidak tahu tentang kewujudan datuk, bapa saudara atau adik-beradik lelakinya kerana bapa pemohon telah menyerahkan pemohon kepada ibu angkatnya sejak kecil lagi. Dengan ini jelaslah bahawa pemohon tidak mempunyai wali yang boleh mewalikan perkahwinannya mengikut hukum syarak.

Wali *ab'ad* juga boleh menjadi wali pernikahan, namun beberapa syarat mestilah dipenuhi sebelum dibolehkan wali *ab'ad* menjadi wali kepada pihak perempuan ketika pernikahan. Mengikut mazhab Syafie, wali *ab'ad* dihalang oleh wali *aqrab* jika mereka masih hidup dan mempunyai kelayakan untuk menjadi wali (Al-Khin, et al., 2016). Kuasa wali akan jatuh ke atas wali *ab'ad* sekiranya wali *aqrab* tidak memenuhi syarat-syarat seperti Islam, baligh, berakal, lelaki, adil, merdeka dan tidak *fasik*. Situasi ini sama sahaja jika wali *aqrab* telah meninggal dunia, maka hak perwalian akan jatuh ke atas wali *ab'ad* iaitu adik beradik lelaki kandung pihak perempuan dan seterusnya mengikut urutan wali nasab (Al-Khin, et al., 2016). Namun, dalam situasi apabila tiada wali nasab yang layak untuk menjadi wali, maka hak perwalian akan jatuh pula ke atas wali yang dilantik oleh pemerintah iaitu wali hakim (Muhammad Muslim, 2024). Sebagai contoh, kes yang berdaftar di MRSKK bernombor 2405-L0508-122-0256 yang mana permohonan wali hakim dibuka oleh pemohon kerana tiada wali nasab yang boleh menjadi walinya. Pemohon mendakwa bahawa abangnya merupakan ATST dan tidak layak untuk menjadi wali kepadanya selepas ketiadaan ayah dan datuknya. Situasi ini berbeza pula dengan kes di MRSI dalam kes yang bernombor 2301-L0208-122-0171 yang mana pemohon tidak mempunyai wali *ab'ad* yang boleh mewalikan perkahwinannya kerana bapanya telah meninggal dunia. Namun begitu, pemohon masih mempunyai wali *aqrab* iaitu adik lelaki sebapa. Ibu

kepada adik lelaki sebabnya itu tidak membenarkan anaknya untuk menjadi wali kepada pemohon. Kesan daripada situasi ini, permohonan pemohon ditolak dan mahkamah memerintahkan agar pemohon memfailkan permohonan wali enggan di Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh (MTSI). Rumusnya, pemohon yang tidak mempunyai wali nasab juga merupakan punca utama permohonan wali hakim di MRSKK. Terdapat tiga sebab yang sering berlaku sehingga menjadikan pemohon-pemohon ini diklasifikasikan sebagai pemohon yang tiada wali nasab iaitu, wali ghaib, wali nasab telah meninggal dunia dan tiada wali nasab yang menepati syarat untuk menjadi wali.

Pemohon Dalam Kalangan *Muallaf*

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), *muallaf* ditakrifkan sebagai orang yang baru masuk Islam. Golongan *muallaf* adalah mereka yang telah melafazkan dua kalimah syahadah dengan kerelaan dan keikhlasan hati tanpa paksaan dari mana-mana pihak (Nur A'thiroh Masyaa'il & Norra, 2023). Setelah memeluk agama Islam, mereka haruslah menghadiri kelas-kelas pendidikan Islam bertujuan untuk membantu mereka dalam memahami agama Islam dengan lebih mendalam. Pelaksanaan pendidikan Islam mestilah sesuai dengan keperluan semasa mereka (Taufiq, 2021). Ia perlu diambil berat kerana dapat membantu *muallaf* untuk memahami dengan lebih mendalam tentang hal ehwal agama terutamanya dalam konteks perkahwinan. Perkahwinan Islam dengan perkahwinan agama lain amatlah berbeza dari pelbagai aspek. Perkahwinan Islam memerlukan wali iaitu ahli keluarga lelaki yang cukup syarat untuk menjadi wali termasuklah beragama Islam. Justeru, jika pemohon merupakan seorang *muallaf* dan tidak mempunyai wali, maka mereka boleh membuat permohonan wali hakim di MS yang terdekat. Statistik peratusan *muallaf* yang memohon wali hakim di MRSKK adalah 19% daripada keseluruhan permohonan wali hakim yang difailkan dan tidaklah meningkat secara mendadak. Hal ini merupakan petanda baik yang menunjukkan bahawa berlakunya pertambahan umat Islam di daerah Kuala Kangsar.

Sebagai contohnya dalam kes seorang perempuan *muallaf* berbangsa India yang ingin memohon untuk menggunakan wali hakim kerana ingin berkahwin dengan lelaki Islam yang juga berbangsa India dalam kes yang bernombor 2407-L0508-123-0328. Seseorang yang ingin berkahwin

dengan pasangan beragama Islam adalah diwajibkan untuk memeluk agama Islam terlebih dahulu. Sekiranya salah seorang pasangan suami atau isteri memeluk Islam dan pasangan masih belum memeluk Islam sehingga tamat tempoh *iddah raj'ie*, maka pernikahan mereka yang terdahulu adalah terbatal dan tidak diiktiraf (Ibnu Qudamah, 1392). Sebagai contoh kes yang dilaporkan pada tahun 2008 antara *Subashini Rajasingam lwn. Saravanan Thangathoray* yang mana konflik dan perceraian berlaku selepas plaintif memeluk agama Islam dan suaminya masih kekal dengan agama Hindu. Namun, pembubaran pernikahan hanya akan berlaku setelah disahkan oleh mahkamah (Khairani & Mohd Al Adib, 2014). Dalam kes *muallaf* ini, permohonan wali hakim adalah diperlukan kerana status keluarganya mungkin masih berpegang kepada agama asal, dan wali nasab dari keluarga tidak dapat dilantik. Hal ini selari dengan peraturan syariah yang menetapkan bahawa pernikahan individu yang memeluk Islam mesti dipenuhi mengikut hukum-hakam Islam, dan jika tiada wali nasab yang layak, wali hakim boleh dilantik untuk memastikan proses pernikahan berjalan dengan sah menurut syarak.

Selain itu, dalam kes yang berkaitan dengan permohonan wali hakim disebabkan oleh *muallaf* yang didaftarkan di MRSKK adalah seperti dalam kes bernombor 2407-L0508-123-0345. Pemohon merupakan seorang berketurunan etnik Orang Asli yang berasal dari Kampung Pos Piah iaitu kawasan pedalaman yang terletak di Sungai Siput (U), Kuala Kangsar, Perak. Kawasan pedalaman seringkali menghadapi kekurangan dalam mendapat pendidikan dan pengetahuan tentang agama. Akan tetapi, masalah ini tidak diabaikan oleh pihak PAID. Hal ini kerana, pihak PAID tetap menghantar beberapa pegawai bertugas untuk menjalankan aktiviti dakwah bagi menjaga kemaslahatan Orang Asli yang telah memeluk Islam (Hanan Syafawi, 2024). Pendekatan dakwah yang melibatkan interaksi langsung dengan masyarakat setempat adalah satu pendekatan yang berkesan (Abd Hadi & Fakhrol Adabi, 2015). Masyarakat di kawasan pedalaman sering kali mempunyai persepsi yang berbeza terhadap agama yang dipengaruhi oleh kurangnya pendedahan dan pendidikan yang berkualiti (Che Nur Hasanah dll., 2018). Statistik yang diperoleh daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan pada tahun 2011, pola masyarakat Orang Asli yang memeluk agama Islam adalah seramai 35,975 (20%), Animisme pula merangkumi majoriti seramai 58,043 (33%) dan lain-lain pula adalah Kristian (9.8%), Buddha (0.6%), Bahai (208%), Hindu (0.1%), Agama Suku Adat (8.4%) serta tiada agama (24%)

(JAKOA, 2024). Ini menunjukkan bahawa kurangnya kadar pengislaman dalam kalangan Orang Asli disebabkan oleh faktor-faktor kurangnya pendidikan yang berkualiti.

Selain itu juga, kes permohonan wali hakim disebabkan oleh *muallaf* sebagai mana yang berdaftar di MRSKK adalah seperti dalam kes bernombor 2407-L0508-123-0344. Kes ini berkaitan seorang perempuan yang berbangsa Cina membuka permohonan wali hakim disebabkan oleh tiada wali nasabnya yang layak untuk menjadi wali. Beliau mendakwa bahawa tiada seorang pun daripada saudaranya yang memeluk Islam dan beliau memohon wali hakim bertujuan untuk berkahwin dengan lelaki Cina yang juga beragama Islam. Kes ini sedikit berbeza seperti yang dilaporkan oleh Majlis Agama Islam Selangor bernombor MT 3-21-260-2003, yang mana kes bermula daripada seorang pemohon telah memeluk agama Islam pada tahun 1992 kerana ingin berkahwin dengan seorang lelaki Muslim. Namun pada tahun kelima perkahwinan, pemohon dan pasangan telah bercerai dan pemohon mendakwa selepas menganuti Islam yang beliau tidak pernah mengamalkan apa-apa suruhan agama tersebut. Kemudian, pemohon membuat pengakuan bahawa beliau telah pun menganut semula agama Kristian pada tahun 2003. Memeluk agama Islam dengan niat hanya untuk berkahwin dengan pasangan Muslim merupakan perkara yang sering dibincangkan dalam konteks perkahwinan dan keislaman (Muhammad Fuad, 2022). Dalam Islam, seseorang yang bukan Muslim perlu memeluk Islam sebelum berkahwin dengan seorang Muslim seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 221, yang menekankan pentingnya iman dalam perkahwinan.

“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam)”. (QS al-Baqarah: 2: 221)

Pengislaman seseorang yang dilakukan dengan niat untuk berkahwin adalah sah, asalkan mereka mengucapkan dua kalimah syahadah dengan penuh kesedaran dan pemahaman (Mohd Asri, 2024). Namun, jika seseorang itu hanya memeluk Islam tanpa pengetahuan yang cukup tentang tanggungjawab sebagai seorang Muslim, mereka mungkin menghadapi kesulitan dalam mengekalkan iman mereka, terutamanya jika perkahwinan berakhir dengan perceraian. Rumusannya, pemohon dalam kalangan *muallaf* merupakan punca utama permohonan wali hakim di

MRSKK. Terdapat tiga jenis *muallaf* yang sering hadir di MRSKK untuk membuat permohonan wali hakim iaitu, pemohon *muallaf* baru memeluk agama Islam dengan niat untuk berkahwin, pemohon *muallaf* yang baru sahaja mempelajari Islam dan pemohon *muallaf* yang tiada ahli keluarga beragama Islam.

Cabaran Permohonan Menggunakan Wali Hakim Terhadap MRSKK Ketidalcukupan Bukti Dalam Menyokong Pendakwaan

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), bukti membawa maksud keterangan yang nyata atau tanda kebenaran. Bukti merupakan satu entiti yang penting bagi membenarkan satu perkara dan menghapuskan perkara yang batil terutamanya ketika perbicaraan di dalam mahkamah. Bukti-bukti seperti dokumen sokongan, affidavit, saksi dan sumpah adalah amat penting bagi meluluskan satu permohonan. Kaedah ini merupakan satu peruntukan yang paling penting dalam enakmen atau Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Amir Husin et al., 2018). Menurut Abdul Karim Zaydan (2011), bukti adalah dalil bagi menentukan perkara itu benar atau tidak sama ada dalam bentuk situasi, keadaan, perkataan atau perbuatan. Hal ini tidak dikecualikan juga bagi kes permohonan wali hakim. Bukti amat diperlukan bagi memastikan permohonan tersebut dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MS. Kekurangan bukti dalam permohonan wali hakim boleh menyebabkan permohonan ditolak atau ditangguhkan. Justeru, adalah amat penting untuk memastikan semua dokumen dan bukti yang diperlukan lengkap dan tepat untuk memastikan permohonan diluluskan tanpa halangan.

Antara masalah atau cabaran yang dihadapi oleh MRSKK disebabkan oleh lambakan permohonan wali hakim adalah pemohon-pemohon tidak membawa bukti yang mencukupi untuk menguatkan keterangan mereka di hadapan hakim. Salah satu kes wali hakim yang berkaitan dengan kekurangan bukti boleh dilihat dalam kes *Norita binti Saad lawan Dato' Hj. Mansor bin Mohamad* yang dibicarakan pada tahun 2016. Pemohon gagal mengemukakan dokumen, saksi atau usaha yang jelas dalam mencari wali nasab menyebabkan mahkamah terpaksa menangguhkan keputusan permohonan wali hakim. Bukti-bukti yang dikatakan adalah seperti notis permohonan, affidavit sokongan, borang perkahwinan yang telah disokong oleh pendaftar nikah atau pejabat agama, surat sokongan pejabat agama bagi pemohon yang tiada wali nasab, salinan bukti carian

wali dari JPN dan sijil kematian bagi wali yang telah meninggal dunia (Faisarizan, 2024). Hal ini jelaslah bahawa setiap faktor permohonan wali hakim mempunyai perbezaan dari segi penyediaan dokumen dan mestilah memenuhi kesemua syarat bagi memudahkan proses permohonan. Jika pemohon gagal menyediakan dokumen-dokumen sebagai bukti, kes permohonan akan ditolak dengan serta-merta dan akan ditangguhkan ke tarikh yang lain (Muhammad Muslim, 2024).

Kekurangan bahan bukti sering berlaku dalam kes permohonan tiada wali nasab atau wali ghaib. Apabila pemohon membuka fail permohonan disebabkan tiada wali nasab, pemohon mestilah sertakan bukti bahawa pertalian wali-wali yang layak telah terputus (Mohd Asri, 2024). Bukti yang diperlukan adalah seperti salinan sijil kematian (Hanan Syafawi, 2024). Selain itu, pemohon mestilah membawa sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau dua orang saksi perempuan untuk menguatkan keterangannya ketika perbicaraan berlangsung. Manakala, apabila pemohon membuka fail permohonan atas sebab wali ghaib, pemohon mestilah mencari maklumat tentang keberadaan walinya di JPN terlebih dahulu sebelum mengiklankan tentang kehilangan walinya di medium-medium yang sesuai atau media massa seperti akhbar, *facebook*, *tiktok* dan sebagainya. Penyediaan bukti yang lengkap dan sah merupakan faktor penting dalam proses permohonan wali hakim, terutama dalam kes tiada wali nasab atau wali ghaib dengan mengemukakan bukti seperti sijil kematian, saksi, dan usaha mengesan wali yang ghaib, pemohon dapat memastikan bahawa permohonan mereka diproses dengan lancar dan selaras dengan kehendak Undang-undang Syariah. (Akhmad Fadly & Ferdiyan, 2022).

Menurut Hanan Syafawi (2024), jika mahkamah tidak berpuas hati terhadap keterangan dan bukti yang dikemukakan, mahkamah akan menolak permohonan tersebut dan menundakan permohonan ke tarikh yang lain. Hal ini kerana keterangan amat berkait rapat dengan pembuktian terhadap sesuatu dakwaan di mahkamah (Suhaizad dll., 2021). Selain itu, penangguhan keputusan wali hakim juga boleh berlaku disebabkan oleh penambahan masa untuk menyediakan bukti sokongan yang lebih lengkap sehingga semua maklumat yang relevan diterima (Mohd Saad bin Abdul Rahman, 2006). Hal ini secara tidak langsung akan melambatkan proses permohonan dan akan menyebabkan lambakan permohonan wali hakim meningkat saban hari. Pemohon mestilah memastikan segala dokumen

sokongan lengkap agar tidak berlaku penangguhan kes kerana kekurangan bahan bukti mendatangkan cabaran besar kepada MRSKK. Oleh itu, penting bagi pemohon untuk mematuhi prosedur dan menyediakan bukti yang lengkap agar kes dapat diselesaikan dengan efisien dan sah di sisi undang-undang.

Enggan Memberikan Kerjasama Yang Baik Dalam Urusan Permohonan Wali Hakim

Dalam konteks permohonan wali hakim, kerjasama yang baik dari pihak pemohon dan saksi adalah penting untuk melancarkan proses perbicaraan dan memudahkan hakim membuat keputusan yang adil. Namun, terdapat kes-kes di mana pihak yang terlibat tidak memberikan kerjasama sebaiknya seperti gagal menyampaikan saman kepada pihak defendan sebelum perbicaraan berlangsung. Hal ini akan menyebabkan defendan gagal untuk hadir ke mahkamah pada tarikh yang telah ditetapkan (Raihanah, 2009). Setiap pemohon mestilah menghormati mahkamah dan memberi kerjasama yang baik bagi memudahkan semua pihak. Sikap kurang kerjasama ini tetap menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh MS, termasuk di MRSKK. Masalah ini sering mengakibatkan kesukaran apabila pemohon gagal memenuhi tanggungjawab mereka dengan baik (Muhammad Muslim, 2024). Masalah ini secara tidak langsung juga boleh menjadi beban mahkamah untuk menyelesaikan kes permohonan wali hakim tambahan lagi apabila berlaku penangguhan kes disebabkan pemohon tidak memberikan kerjasama yang baik (Helmi, 2024).

Tambahan lagi apabila pemohon tidak mahu memberi kerjasama dengan mahkamah dan hanya mendiamkan diri sahaja apabila disoal oleh hakim ketika perbicaraan berlangsung. Keterangan pemohon adalah elemen penting dalam perbicaraan, terutama dalam konteks permohonan berkaitan perkahwinan menggunakan wali hakim. Keterangan pemohon berfungsi untuk membuktikan bahawa semua syarat dan prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi. Sewaktu perbicaraan, mahkamah akan menyoal pemohon beberapa soalan sehingga pemohon menjawab persoalan tersebut (Helmi, 2024). Namun, jika mahkamah tidak berpuas hati dengan cara pemohon menjawab, mahkamah akan memanggil saksi untuk menguatkan lagi keterangan. Perkara ini sering berlaku dalam kalangan pemohon dari etnik Orang Asli (Hanan Syafawi, 2024). Hal ini bukanlah mudah malah hakim mestilah menggunakan cara atau teknik yang sesuai untuk mendapatkan jawapan dari pemohon. Keterangan pemohon adalah aspek kritikal dalam

memastikan kesahihan proses perkahwinan melalui wali hakim, serta dalam menentukan keputusan yang akan diambil oleh mahkamah.

Selain itu, jika permohonan wali hakim disebabkan oleh ATST, pemohon mestilah membawa ibu kandungnya untuk memberikan keterangan (Helmi, 2024). Hal ini kerana, keterangan ibu kandung pemohon sebagai saksi dapat menjadi bukti yang kukuh untuk meluluskan permohonan dan tiada keperluan bagi pemohon untuk mengangkat *iqrar* sumpah atas keterangannya. Namun, kebiasaannya ibu kepada ATST enggan hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan (Helmi, 2024). Perkara ini secara tidak langsung menjadi satu cabaran bagi MRSKK untuk memastikan keterangan pemohon benar atau tidak. Walaupun pemohon membawa saksi yang mengenalinya, namun pemohon tetap diwajibkan untuk bersumpah di dalam mahkamah kerana syarat keterangan ibu kandung pemohon tidak dipenuhi (Muhammad Muslim, 2024). Hal ini kerana, hak perwalian dan penjagaan ATST diserahkan kepada ibu kandung tetapi dalam hal perwalian ia diserahkan kepada wali hakim kerana kedudukannya sebagai seorang yang tidak mempunyai wali nasab lelaki (Syaheerah & Sarah Jasmina, 2022). Kehadiran wali yang adil adalah kritikal untuk menjamin keabsahan perkahwinan. Ibu sebagai saksi dapat membantu hakim menilai keadilan dan kebenaran dalam permohonan, serta memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam perkahwinan tersebut bersetuju dan bukan dalam keadaan terpaksa. Tambahan lagi, keselarasan jawapan antara pemohon dan saksi adalah penting untuk mengelakkan keraguan yang akan menjejaskan keputusan mahkamah.

Keengganan pemohon dan saksi dalam memberikan kerjasama ini kebanyakannya timbul disebabkan oleh pemohon yang berasal dari etnik Orang Asli. Hal ini kerana, Orang Asli merupakan etnik yang tinggal di kawasan pedalaman. Perkara ini menyebabkan mereka tidak mengetahui bagaimana cara untuk berurusan secara rasmi dengan baik (Hanan Syafawi, 2024). Tidak semua etnik ini pandai membaca dan menulis. Oleh yang demikian, ia juga menjadi satu cabaran bagi pihak mahkamah. Ketidakmampuan untuk membaca dan menulis boleh menyukarkan pemohon dalam memahami dokumen dan prosedur yang diperlukan. Walaupun pemohon dibantu oleh pegawai PAID sewaktu mendaftar permohonan, namun pemohon akan menghadapi masalah apabila memberi keterangan semasa perbicaraan (Muhammad Muslim, 2024). Keterangan yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh membawa

kepada implikasi hukum yang serius, termasuk pembatalan perkahwinan yang bakal dilangsungkan (Mohd Saad bin Abdul Rahman, 2006). Justeru, pemohon mestilah memberi keterangan yang jelas dan tepat untuk mengelakkan masalah di masa hadapan.

Peningkatan Beban Tugas Dalam Kalangan Pegawai MRSKK

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), beban bermaksud tanggungan atau kewajipan yang berat. Manakala, kerja pula bermaksud usaha, kegiatan atau urusan yang bertujuan untuk menghasilkan, menyelesaikan dan menyediakan sesuatu. Dalam erti kata lain, beban kerja merujuk kepada jumlah tugas atau tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seseorang atau organisasi dalam tempoh masa tertentu. Dalam konteks jabatan atau institusi seperti MRS, beban kerja boleh merujuk kepada jumlah kes yang perlu ditangani, jumlah dokumen yang perlu diproses, atau jumlah masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas tertentu. Peningkatan beban kerja boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti peningkatan bilangan kes, kekurangan staf, atau prosedur yang lebih rumit (Mohamed Azam, 2016). MRSKK tidak terkecuali dari hal ini apabila ditambah pula dengan bilangan pegawai yang terhad di MRSKK mengakibatkan beban kerja meningkat saban hari.

Dengan jumlah permohonan yang meningkat, mahkamah sering kali menghadapi kes tertunggak. Ini menyebabkan penangguhan dalam penyelesaian kes, yang boleh mengambil masa bertahun-tahun, seperti kes-kes berkaitan perceraian dan nafkah (Nur Fatin Nabilah & Siti Arni, 2022). Malah ditambah lagi dengan lambakan kes permohonan wali hakim yang tertunda. Hal ini boleh menyebabkan kelewatan dalam proses perbicaraan (Faisarizan, 2024). Apabila beban kerja meningkat, ia akan mengakibatkan kesukaran dalam menguruskan dan menyelesaikan kes-kes dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut Mohd Asri (2024), mereka terpaksa mengendalikan lebih banyak kes dan dokumen dalam masa yang sama, mengakibatkan kesukaran untuk menumpukan perhatian dengan sewajarnya. Perkara ini boleh melahirkan kritikan atau persepsi negatif masyarakat terhadap MS (Johari, 2020). Tambahan lagi, ia boleh menjejaskan kepercayaan awam sehingga menyebabkan berlakunya perkahwinan yang tidak sah atau perkahwinan yang bersalahan dengan Bahagian II Undang-undang Keluarga Islam Perak (2004).

Kes-kes yang tertangguh bukanlah satu perkara yang asing. Tidak dapat disangkal lagi bahawa, peningkatan jumlah kes akan menyebabkan tekanan fizikal dan mental kepada pegawai-pegawai di MRSKK (Faisarizan, 2024). Mengendalikan kes tertunggak yang semakin meningkat dalam tempoh yang terhad boleh menyebabkan pegawai mahkamah berasa tertekan. Hal ini kerana, tekanan yang dialami boleh menyebabkan pegawai sukar untuk menumpukan perhatian dan membuat keputusan yang tepat. Mereka mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan tugas, lalu menjejaskan produktiviti secara keseluruhannya (Mohd Asri, 2024). Hal ini sekali gus mempengaruhi kualiti perkhidmatan di MRSKK. Pengurusan yang baik dapat mengurangkan kesan negatif terhadap pegawai di tempat kerja (Shamsul Bahari, 2023). Perkara ini bukan sahaja berlaku di MRSKK malah berlaku juga di Mahkamah Syariah Kota Baharu yang menunjukkan bahawa kes-kes yang tertangguh di MS sering kali melibatkan kes-kes perceraian dan perkahwinan semakin bertambah sehingga memberi kesan kepada kes-kes mal yang lain (Raihanah, 2009). Namun, penangguhan kes bukanlah sesuatu yang hanya membawa kepada impak negatif sahaja, malah ia juga membawa kepada impak yang positif. Walaupun penangguhan kes akan meningkatkan beban kerja kepada pegawai di mahkamah, tetapi ia juga boleh memberi keadilan kepada pihak yang terlibat agar lebih bersedia sewaktu perbicaraan.

Akhir sekali, kes-kes yang lebih rumit yang melibatkan pertikaian harta atau penentuan nafkah anak memerlukan lebih banyak masa untuk diselesaikan. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti pertindihan bidang kuasa, keperluan untuk mematuhi prosedur tertentu, serta kerumitan kes itu sendiri yang melibatkan pelbagai pihak dan aset yang bernilai tinggi (Mohd Norhusairi, 2017). Untuk mengelakkan penundaan kes, kerjasama yang lebih erat antara pihak-pihak yang terlibat dalam permohonan wali hakim adalah penting (Helmi, 2024). Tambahan pula, menurut Faisarizan (2024), MRSKK meliputi kawasan Daerah Kuala Kangsar yang mempunyai sembilan mukim, dua bandar dan lapan pekan dengan keluasan 2,563.61 kilometer persegi. Hal ini tidak dapat disangkal lagi bahawa, penduduk yang tinggal di daerah ini akan membuka fail kes mereka di MRSKK. Dengan keluasan kawasan Kuala Kangsar, jelaslah bahawa peningkatan lambakan kes boleh menyebabkan peningkatan beban kerja di MRSKK khususnya dalam kes permohonan wali hakim. Rumusnya lambakan permohonan wali hakim di MRSKK sedikit

sebanyak memberikan tiga cabaran utama kepada pihak mahkamah iaitu ketidakcukupan bukti dalam membuktikan pendakwaan, enggan memberikan kerjasama yang baik dalam urusan permohonan wali hakim dan peningkatan beban tugas dalam kalangan pegawai MRSKK

Kesimpulan

Tuntasnya, wali merupakan salah satu daripada rukun perkahwinan dalam mazhab Syafie. Tanpa wali atau keizinan wali, perkahwinan dianggap tidak sah. Wali nasab dari pihak bapa didahulukan menurut tertib keutamaan. Jika tiada wali nasab atau wali nasab tidak memenuhi syarat, ia akan berpindah kepada wali hakim dengan permohonan khas melibatkan MS. Wali hakim boleh menjadi wali jika wali nasab enggan, tidak ada, *fasik*, atau tidak diketahui keberadaannya. Namun begitu, permohonan wali hakim di MRSKK semakin bertambah sejak akhir-akhir ini dan ia sekali gus merumitkan urusan tadbir di peringkat dasar. Dapatan menunjukkan terdapat tiga faktor lambakan permohonan wali hakim akibat ketidakpatuhan syarat kelayakan wali iaitu disebabkan oleh pemohon dalam kalangan ATST, pemohon tiada wali nasab dan pemohon dalam kalangan *muallaf*. Manakala terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh MRSKK dalam menguruskan permohonan wali hakim adalah seperti ketidakcukupan bukti dalam membuktikan pendakwaan, enggan memberikan kerjasama yang baik dalam urusan permohonan wali hakim dan peningkatan beban tugas dalam kalangan pegawai MRSKK. Artikel ini mencadangkan supaya pelan tindakan dilakukan segera oleh badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab bagi memastikan aktiviti-aktiviti sosial melibatkan kerohanian umat Islam dapat dipertingkatkan. Hal ini bertujuan agar faktor-faktor negatif yang menjadi punca gugurnya syarat wali pemohon dikurangkan pada masa akan datang. Justeru, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat kepada cara dan kaedah penyelesaian terhadap punca dan cabaran yang dikenal pasti ini pada masa akan datang.

Rujukan

- Abd Hadi, B., & Fakhrol Adabi, A. K. (2015, July-December). Faktor Tarikan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 42, 77-100. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol42no1.4>
- Adinda Dewi, M. S., & Seno Aris, S. (2022). Penetapan Wali Hakim Dalam Perkawinan di Kantor Urusan Agama Kecamatan Karanganyar Kabupaten Karanganyar Tahun 2020. *Jurnal Hukum Keluarga*, 5(2). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.22373/ujhk.v5i2.15201>
- Akhmad Fadly, S., & Ferdiyan. (2022, December). Konsep Wali Hakim Dalam Pembaharuan Hukum Keluarga Islam di Malaysia dan Indonesia. *Asy-Syariah*, 24(2), 182. Retrieved August 5, 2024, from <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/asy-syariah>
- Al-Jaziri, A. (2003). *Al-Fiqh Ala Al-Madzahib Al-Arba'ah* (1st ed., Vol. 4). Darul Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Khin, M., Al-Bugho, M., & Asy-Syarbaji, A. (2016). *Kitab Fikah Mazhab Syafie (Fiqhul Manhaji)* (Vol. IV). Selangor, Kundang Jaya, Malaysia: Pustaka Salam SDN. BHD.
- Al-Nawawi, A. Z. (2011). *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab* (2nd ed., Vol. XVI). Beirut: Dar al-Fikr.
- Amir Husin, M. N., Wan Abdul Fattah, W. I., Lukman, A. M., Ahmad Syukran, B., & Hasnizam, H. (2018). Kaedah-Kaedah Pembuktian Kes Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia: Rujukan Kes-kes Dalam Jurnal Hukum. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 31-40. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/mjssl.v6i3.134>
- Che Nur Hasanah, C. H., Mariam, A. M., & Muhammad Yusuf, M. A. (2018). Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam di kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1).
- Darmawan, E., Baihaki, A., & Handayani, O. (2024). Penetapan Wali Hakim Sebagai Pengganti Wali Adlal yang Tidak Menyetujui Pernikahan Anaknya. *KRTHA BHAYANGKARA*, 15(2). <https://doi.org/https://doi.org/10.31599/krtha.v15i2.1116>

- Enakmen Keluarga Islam Perak* (Vol. 66). (2004). Perak: Kerajaan Perak.
- Faisarizan, M. (2024, July 8). (B. Farzana, Interviewer)
- Farisi, M. S. (2020). Analisis Peran Wali Hakim Sebagai Wali Nikah Bagi Anak Akibat Hamil di Luar Nikah, Maqfud, dan Tumpur (Studi Kasus di KUA Kecamatan Jekulo Kabupaten Kudus). *Undergraduate Thesis, IAIN KUDUS*.
- Firmansyah, D., & Dede. (2022). Teknik Pengambilan Sampel Umum dalam Metodologi Penelitian: Literature Review. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Holistik*, *1*(2), 85-114.
<https://doi.org/https://doi.org/10.55927/jiph.v1i2.937>
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). (D. Ghazali, & H. Sufean, Eds.) University Of Malaya Press.
- Hanan Syafawi. (2024, August 7). (B. Farzana, Interviewer)
- Hanan Syafawi, Muslim, M., & Faisarizan, M. (2024, July). (B. Farzana, Interviewer)
- Helmi, A. K. (2024, July 11). (B. Farzana, Interviewer)
- Ibn Said Sahnun. (1999). *Al-Mudawwana Al-Kubra li-Imam Malik Ibn Anas* (Vol. II). (Muhammad Sasi Al-Tunisi, Ed.) Beirut, Lubnan: Dar Sader.
- Ibnu Qudamah. (1392). *Al-Mughni* (Vol. VII). Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2024). *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA. Retrieved from <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/jadual-taburan-etnik-orang-asli-mengikut-negeri/>
- Johari, Y. (2020, September 28). Persepsi Terhadap Mahkamah Syariah. *Sinar Harian*. Retrieved August 25, 2024
- Kamus Dewan Bahasa & Pustaka* (4th ed.). (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kerlinger, F. N. (1970, January 1). *Foundation of Behavioural Research* (1st ed.). Holt, Rinehart & Winston.

- Khairani, H., & Mohd Al Adib, S. (2014, Jun). Kerahsiaan Kemasukan Islam: Isu Undang-undang Kes Pemeluk Islam Saudara Baru di Malaysia. *Kanun*, 26(1).
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. (2015). Shah Alam: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Retrieved August 13, 2024
- Lim Yoke Khoon Lwn. Pendaftar Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor & Yang Lain [2006] 1 MLRH 854, MT 3-21-260-2003 (Mahkamah Tinggi Malaya, Shah Alam Mei 17, 2006).
- M. , M. R. (2024). Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syariah: Analisis Teoritikal. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 7(1), 8–19. Retrieved from: <http://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/210>
- Mohamed Azam, M. A. (2016). Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan Pencapaian. *ICR Journal*, 7(2). <https://doi.org/https://doi.org/10.52282/icr.v7i2.266>
- Mohammad Azam, H., & Alias, A. (2015, July). Definisi Wali Dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(2), 201-225. Retrieved August 10, 2024, from <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/4427>
- Mohammad Syakirin, Z., & Soraya, D. (2019). Status Hukum Pernikahan yang Dilaksanakan oleh Wali Hakim Luar Negeri (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan). *Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry*, 20(1). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.22373/jms.v20i1.6500>
- Mohd Asri, M. S. (2024, August 15). (B. Farzana, Interviewer)
- Mohd Faizal, Y. (2018, Jun 14). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved August 6, 2024, from Al-Kafi #762: Wali Fasiq Menikahkan Anaknya: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2470-al-kafi-762-wali-fasiq-menikahkan-anaknya>
- Mohd Norhusairi, M. H. (2017). Norhayati binti Yusoff lwn. Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2), 255-262.

<https://doi.org/https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol2no2.7>

- Mohd Saad bin Abdul Rahman. (2006, April 7). *Wali Hakim, Penyelesai Masalah Perkahwinan*. Retrieved August 4, 2024, from Institute of Islamic Understanding Malaysia: <https://www.ikim.gov.my/newwp/index.php/2006/04/07/wali-hakim-penyelesai-masalah-perkahwinan/>
- Muhammad Al-Zuhaili. (2007). *Al-Mu'tamad fi Al-Fiqh Al-Syafi'i* (Vol. IV). Syria: Darul Qalam.
- Muhammad Fuad, I. (2022, May 27). Irsyad Hukum Siri Ke-686: Hukum Tunang Pasangan Bukan Islam Ynag Berniat Memeluk Islam. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5268-irsyad-al-fatwa-siri-ke-686-hukum-tunang-pasangan-bukan-islam-yang-berniat-memeluk-islam>
- Muhammad Muslim. (2024, July 10). (B. Farzana, Interviewer)
- Musda, A. (2021). Concept of Wali Mujbir in Marriage (Legal Critism of Counter Legal Draft Compilation of Islamic Law). *Wacana Hukum, Ekonomi dan Keagamaan*, 8(2), 192-195. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.29300/mzn.v8i2.2798>
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam. *Wahana*, 1(10). <https://doi.org/https://doi.org/10.33751/wahana.v1i10.654>
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan islam. *UMRAN*, 11(1), 63-78. <https://doi.org/https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Nor Fazlina, A. R. (2020, February 20). JPN Kaji Dasar Pendaftaran ATST. *Berita Harian Online*. Retrieved September 3, 2024, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/657401/jpn-kaji-dasar-pendaftaran-anak-tak-sah-taraf>
- Nur Aishah, Z., & Mustaqim Roslan, M. (2024, September). Faktor-faktor Kegagalan Penggunaan Buku Teks Yayasan Islam Kelantan (YIK) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP): Satu Analisis Kajian Kes.

International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies, 1(1), 1-25. Retrieved from <https://ejournal.usm.my/ijwcps/article/view/4794>

Nur A'thiroh Masyaa'il, T. A., & Norra, H. (2023, March 30). Cabaran pendakwah Muaf di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 6(1), 178-189. Retrieved August 19, 2024

Nur Fatin Nabilah, S., & Siti Arni, B. (2022, July). Impak Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS 1900 Kepada Penjanaan Inovasi di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 12(1), 98-116. <https://doi.org/https://doi.org/10.7187/GJAT072022-11>

Raihanah, A. (2009). Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*, 17(1), 1-30.

Ramadhan, A. (2024). Fenomena wali hakim dalam perkawinan masyarakat Tanggeung Kabupaten Cianjur; Studi kasus di Kantor Urusan Agama Kecamatan Tanggeung Kabupaten Cianjur. *Sarjana Thesis UIN Sunan Gunung Djari Bandung*.

Ritchie, J., Jane, L., Nicholls, C. M., & Ormston, R. (2013). *Qualitative Research Practice - A Guide for Social Science Students and Researchers* (2nd ed.). SAGE Publications Ltd.

Roslan, M. M. (2024). Impak Penasaban Kepada Abdullah Terhadap Masalah Sosial ATST: The Impact Of Abdullah's Lineage On Social Problems Among Illegitimate Children. *KQT EJurnal*, 4(1), 1-14. Retrieved from: <http://ejournal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/81>

Sabiq Sayyid. (1996). *Fiqh Sunnah* (Vol. VII). Bandung: Keira Publishing.

Shamsul Bahari, S. (2023, November 3). Persekitaran Tempat Kerja Antara Penyumbang Tekanan Mental - Pakar. *Astro Awani*. (R. Faida, Interviewer) Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persekitaran-tempat-kerja-antara-penyumbang-tekanan-mental-pakar-444473>

Sistem e-Kehakiman Syariah Perak. Retrieved August 12, 2024

- Suhaizad, S., Ahmad 'Azam, M. S., Muhammad Helmi, M. S., & Mohamad Azhan, Y. (2021). Kepentingan Aspek Keterangan dalam Penulisan Alasan Penghakiman Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Islamiyat*, 43(Isu Khas), 67-77. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-06>
- Syaheerah, N., & Sarah Jasmina, N. (2022, May 27). Kedudukan ATST: Suatu Perspektif Undang-undang. *TETUAN MISYAIL OTHMAN & CO.* Retrieved from <https://monco.my/kedudukan-anak-tidak-sah-taraf/>
- Taufiq, Y. Y. (2021). Hala Tuju Pendidikan Tinggi Mualaf di Malaysia: Isu dan Cabaran. In T. Abdul Halim, & O. Baharudin (Ed.), *Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia* (pp. 2-8). Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Retrieved August 19, 2024
- Umar Mukhtar, M. N. (2018, November 7). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved August 6, 2024, from Al-Kafi #879: Nikah Tanpa Berwalikan Bapa: <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2733-al-kafi-879-nikah-tanpa-berwalikan-bapa>
- Umar Mukhtar, M. N. (2020, Januari 14). Al-Kafi #1524: Nasab Anak Yang Berkemungkinan Hasil Daripada Zina. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3980-al-kafi-1524-nasab-anak-yang-berkemungkinan-hasil-daripada-zina>
- Wahbah al-Zuhaili. (1989). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh*. Dar Al-Fikr Al-Mouaser.
- Zanariah, N. (2018). Status dan Hak Anak tidak sah dalam undang-undang di Malaysia. *Sains Humanika*, 10(3-4), 61-69.
- Zulfaqar, M., Wan Abdul Fattah, W. I., Lukman, A. M., Syahirah, A. S., & Hasnizam, H. (2019). Kedudukan Wali Hakim Dalam Perkahwinan Di Malaysia Dari Sudut Syariah Dan Perundangan. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 31. Retrieved August 11, 2024